

## TEMA 2      KELUARGA

### Situasi 2.1    Pengenalan Keluarga

Latar tempat : Di sekitar universiti

Ahmad :	Assalamualaikum.
Azman :	Walaikumussalam, Mad.
Ahmad :	Daripada mana ni?
Azman :	Baru balik dari kampung.
Ahmad :	Oh, baru balik dari kampung. Bagaimana keadaan keluarga awak di kampung?
Azman :	Dekat kampung, alhamdulillah. Semua sihat.
Ahmad :	Siapa keluarga awak yang tinggal di kampung?
Azman :	Oh, yang tinggal di kampung ada atuk saya, nenek, mak ayah saya, dan adik beradik sayalah.
Ahmad :	Berapa orang adik beradik awak?
Azman :	Oh, adik beradik saya ada lima orang. Saya, abang, kakak, dua orang lagi adik lelaki dan adik perempuan.
Ahmad :	Wah! Ramainya adik beradik awak.